

Johor bersiap hadapi gelombang ketiga banjir

UM 26/1

KOTA TINGGI 25 Jan. - Kerajaan negeri Johor bersiap sedia menghadapi gelombang ketiga banjir berikutan amaran peringkat merah yang dikeluarkan sehingga Ahad ini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, amaran itu telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi sejak dua hari lalu.

Menurutnya, awan yang membawa hujan dikesan berada di ruang udara perairan daerah Mersing pada pukul 6 pagi ini.

"Bagaimanapun, pada pukul 12 tengah hari ini, awan tersebut mula bergerak ke arah selatan sehingga ke Singapura.

"Namun kita tetap bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya awan yang dikesan itu melalui ruang udara daratan negeri ini sehingga Ahad ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Banjir gelombang pertama melanda negeri ini pada 19 Disember lalu menyebabkan lebih 70,000 terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara dan turut mengorbankan 15 nyawa.

Sementara itu, banjir gelombang kedua pada 11 Januari lalu menyebabkan lebih 100,000 orang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Abdul Ghani berkata, pihaknya telah menghebahkan mengenai amaran peringkat merah itu kepada semua pihak berkaitan untuk bersiap sedia termasuk penduduk di kawasan yang berisiko tinggi dilanda banjir.

Katanya, kerajaan negeri lebih berwaspada kali ini selepas pengalaman menghadapi dua gelombang banjir.

Tambahnya, bulan Januari adalah musim hujan dengan jumlah hujan diterima di negeri ini dijangka melebihi daripada paras biasa.

"Kita berharap selepas ditimpa bencana ini, ada rahmat di sebaliknya selepas semua perkara selesai," katanya.